

PENGARUH BUDAYA DALAM DRAMA BISIKAN MALAYA

**Norfaizah Ghazali
Zulkifli Mohamad**
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Dasarnya, kebudayaan merupakan cara hidup sesuatu komuniti manusia. Dalam tradisi penulisan drama, terdapat banyak unsur budaya Melayu yang diterapkan ke dalamnya. Namun, budaya Melayu yang wujud dalam karya tersebut, telah menerima banyak pengaruh dari luar hasil proses difusi dan akulturasi. Oleh itu, makalah ini dihasilkan untuk meneliti pengaruh budaya yang wujud dalam drama Melayu seterusnya meneliti cerminan masyarakat yang yang terhasil daripada pengaruh budaya menggunakan penerapan teori Sosiologi dalam menganalisis drama yang dimuatkan di dalam antologi drama Bisikan Malaya, iaitu drama Selendang Umi, Muzikal Tenggang dan Kilung Musung.

Kata Kunci: *Budaya Melayu, Pengaruh Budaya, Drama Melayu.*

CULTURAL INFLUENCE IN MALAY DRAMA BISIKAN MALAYA

Abstract

Basically, culture is the way of life of a human community. In the tradition of writing drama, there are many elements of Malay culture which is applied to it. However, the Malay culture that exists in these works, has received a lot of influence from outside the process of diffusion and acculturation. Therefore, this paper produced to investigate the effect inherent in Malay drama researching reflection of society that emerges from the influence of culture using application of theoretical sociology in the drama that is loaded in Bisikan Malaya anthology drama, namely drama Selendang Umi, Muzikal Tenggang and Kilung Musung.

Keywords: *Malay Culture, Influence of Culture, Malay Drama.*

PENGENALAN

Masyarakat majmuk adalah masyarakat atau etnik yang terdiri daripada dua atau lebih unsur atau susunan masyarakat yang tinggal berhampiran tetapi tidak berada dalam satu unit politik. Di dalam masyarakat majmuk tersebut, setiap kumpulan berpegang kepada ajaran agama, kebudayaan dan bahasa masing-masing. Manakala dalam lapangan ekonomi dan sosial terdapat pula garisan pemisah dan pembahagi kerja mengikut ras tertentu (Furnivall, 1956: 304).

Dalam konteks masyarakat majmuk, pasti wujud warisan budaya yang dianuti. Menurut E.B. Taylor (1990:3), pada dasarnya, budaya adalah keseluruhan dari kelakuan dan hasil kelakuan manusia yang beratur oleh tata kelakuan. Sebelumnya perkataan tersebut dikenali sebagai adat dan istiadat. Kebudayaan bukan hanya tentang tarian, nyanyian, hiasan dan pakaian tetapi merangkumi seluruh aspek dalam kehidupan sesuatu bangsa serta masyarakat. Setiap budaya pasti mempunyai beberapa perbezaan antaranya masyarakat yang mengamalkannya. Suasana tempat dan pengaruh serta corak kehidupan dan pergaulan masyarakat sekeliling turut mempengaruhi cara sesuatu budaya.

Menurut A. Aziz Deraman (2012:112), warisan budaya bolehlah diumpamakan sebagai harta atau pusaka kehidupan masyarakat dan bangsa yang diwarisi turun-temurun dalam bentuk kebendaan (*material culture*) atau bukan kebendaan (*non-material culture*). Kedua-duanya memang ada dalam warisan budaya sesuatu bangsa, masyarakat dan etnik. Anasir yang terdapat dalam budaya dan masyarakat dapat dipindahkan pada aspek tertentu, seperti sosial, ekonomi, politik, agama dan kepercayaan, dan sistem lain yang tersendiri yang mungkin ada persamaan dan perbezaan yang dapat dikesan dari alam persekitaran yang sama. Tambah A. Aziz Deraman lagi (1974), sesuatu masyarakat memang diasimilasikan dengan kebudayaan petempatan awal. Perubahan asimilasi ini hampir wujud dalam setiap kaum baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Contohnya, di dalam negara kaum-kaum pendatang pada abad ke-14 seperti kaum Parsi, Arab mahu pun dari negara Arab yang membawa agama Islam telah diasimilasikan dengan kebudayaan tempatan yang masih diamalkan sehingga iaitu dari segi pakaian, makanan dan cara hidupnya.

Kedatangan pengaruh ini dibuktikan lagi semasa sebelum kedatangan Islam ke Alam Melayu yang bermula dari abad ke-7 dan ke-8 Masihi, kehidupan masyarakat Melayu dikuasai oleh tradisi Hindu Buddha. Menurut Wan Hashim Wan Teh (1986:12), pengaruh tradisi Hindu Buddha ini telah menguasai keseluruhan cara hidup sehingga ke akar umbinya dari paras budaya unggul (kepercayaan, pandangan hidup) sehinggalah ke aras budaya umum (upacara, perlakuan sosial dan amalan hidup seharian). Kunjungan awal

bangsa-bangsa lain pada zaman tamadun silam ke daerah Alam Melayu, ternyata datang bersama budaya asal mereka. Orang Melayu telah terpengaruh dengan budaya luar yang dibawa oleh negara luar bukan sahaja dari Barat, malah Hindu dan China. Budaya yang diterima dan telah berasimilasi bersama kebudayaan masyarakat di Nusantara turut mendukung sistem nilai dan sosial yang wujud malah banyak memberi implikasi kepada sistem kehidupan kelompok Nusantara sehingga sekarang.

Kedatangan Islam, penjajah Barat, Kaum Cina dan India ke Alam Melayu telah membawa satu perubahan dalam system pemerintahan, budaya, ekonomi mahupun social. Walaupun pengaruh yang dibawa tersebut telah banyak mengubah sistem kehidupan sebenar orang Melayu namun sebenarnya ia turut membawa kebaikan menerusi aspek falsafah dan pemikiran, kebendaan, kesenian serta aspek nilai dan norma. Warisan budaya itu telah memperlihatkan hasil bercorak kebendaan malah sesuatu hasil tidak kelihatan atau abstrak dalam hubungan spiritual dan fizikalnya (2012:114).

Menurut Asri (2008) sastera khususnya drama merupakan pengucapan pengalaman budaya dan pencerminan dari realiti sosial budaya. Hal ini kerana, drama mampu memaparkan budaya-budaya yang terdapat dalam sesuatu masyarakat. Kesemuanya itu menyerlahkan lagi pelbagai nilai kemanusiaan, keragaman nilai masyarakat yang memperlihatkan dua segi nilai kehidupan iaitu murni dan cemar, bersih dan kotor, kemanusiaan dan kehaiwanan yang sekali gus menunjukkan sikap individu, kelompok insan itu sendiri. Kajian tentang kebudayaan amat penting bagi seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat. Seseorang, sesuatu kumpulan atau komuniti daripada sesebuah masyarakat tidak boleh difahami melainkan melalui kebudayaannya. Misalnya, cara hidup suku atau kaum yang lain di dalam negara kita sendiri tidak kira sama ada Melayu, India, Cina, Bajau, Kadazan dan lain-lain lagi.

Salah satu sebab mengapa budaya dan kebudayaan semakin menjadi perhatian ramai pengarang adalah kerana perubahan cara hidup dan taraf sosial masyarakat telah memberi kesan dan perubahan kepada budaya mereka. Hal ini kerana, budaya dalam setiap bangsa walaupun sama namun tetap berlainan dari segi pengaplikasiannya dalam kehidupan. Contohnya seperti makan. Makan merupakan satu keperluan asas yang tidak termasuk dalam bentuk kebudayaan. Namun, cara yang bagaimana ia dipenuhi, jenis makanan yang dimakan, bagaimana cara makan adalah sebahagian daripada kebudayaan. Hakikatnya, memang semua orang memerlukan makanan, tetapi kebudayaan yang berbeza dari kelompoknya telah menyebabkan masyarakat menjalankan kegiatan asas itu dengan cara yang berbeza. Misalnya, cara makan orang dahulu menggunakan tangan sudah mengalami perubahan sedikit demi sedikit menggunakan kayu dan

seterusnya sudu. Hal ini berlaku kerana masyarakat mempelajari sesuatu perkara atau ilmu yang dilakukan oleh nenek moyang terdahulu atau dalam lingkungan sekelilingnya yang dianggap baik dan berguna dalam hidup.

Memetik pendapat Siti Hawa Haji Salleh (1992:8), pemikiran dan budaya sesuatu masyarakat sering terserlah dalam hasil kesusasteraan setiap bangsanya. Drama merupakan salah satu medium yang digunakan untuk melihat keseluruhan cara hidup yang meliputi kelakuan, kebudayaan dan kepercayaan sesebuah kelompok sosial. Hal ini kerana, hanya melalui karangan hasil karya masyarakat lain dapat mengetahui kejadian yang berlaku dalam masyarakat yang lainnya. Oleh itu, makalah ditulis adalah untuk melihat tentang pengaruh budaya luar yang diungkapkan secara langsung atau melalui perlambangan oleh pengarang-pengarang drama yang berlatar belakangkan dunia moden tahun 90an hingga sekarang. Secara tidak langsung dapatlah kita melihat cerminan masyarakat yang bagaimana wujud dek terbiasnya dari pengaruh budaya yang diungkapkan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini telah menjadikan kertas kerja yang ditulis oleh Monique Zaini-Lajoubert yang bertajuk *Dunia Bukan Melayu Dalam Beberapa Novel Malaysia Mukhtahir di dalam Telaah Sastera Melayu: Himpunan Kertas Kerja Minggu Sastera Malaysia* di London yang dihasilkan pada tahun 1992 sebagai salah satu sorotan. Makalah tersebut dilakukan adalah untuk melihat bahawa mulai tahun-tahun 1970-an, para pengarang Malaysia tertarik dengan dunia bukan Melayu dan menerbitkan sejumlah karya mengenai dunia bukan Melayu. Contohnya cerpen yang berlatarkan Australia yang dikarang oleh Yahya Ismail, "Iwan, Jenny, Basri" (1971) dan karangan Shahnnon Ahmad, "Al" (1973), berlatarkan Eropah contohnya "London yang Sepi" (1990) hasil karangan Arena wati dan novelnya "Kuntum Tulip Biru", (1987). Kesemua karya-karya tersebut telah menunjukkan bahawa kesusasteraan Malaysia semakin menempatkan diri dalam suatu konteks antarabangsa dan terbuka pada dunia luar.

Seterusnya, sorotan kajian dilakukan terhadap kajian tesis Bachelo Sastera yang bertajuk *Tradisi Lisan Dalam Drama-Drama Noordin Hassan* yang dikaji oleh Nor Aini Hj. Ahmad (1998). Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berfokuskan unsur-unsur tradisi lisan yang terkandung dalam drama-drama tulisan Noordin Hassan. Kajian ini dilakukan ke atas 9 buah teks drama kontemporari iaitu *Bukan Lalang Ditiup Angin, Sirih Bertepuk Pinang Menari, Anak Tanjung Tiang Seri Tegak Berlima, Cindai, Jangan Bunuh Rama-Rama, Pintu, Peran dan 1400*. Di dalam kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa Noordin Hassan banyak menyentuh penggunaan dialek, onomatopia, bahasa bertingkat dan puisi seperti pantun dan syair. Kesemua bentuk kajiannya adalah berdasarkan kebudayaan yang terbentuk dari aspek agama, kepercayaan, ekonomi dan susunan sosial masyarakatnya.

Kajian Asphahlillah Bt Abdullah yang bertajuk *Cerminan Budaya dalam Novel Cerah dan Novel Ngayu Karya Amil Jaya* (2002) telah membuat kajian berdasarkan budaya masyarakat Kaum Bajau dan Dusun, Cina dan Rungus yang terdapat dalam novel tersebut. Berdasarkan novel *Cerah*, pengkaji mendapati, masyarakat Bajau kaya dengan budaya seperti budaya kematian, adat pertunangan, budaya makanan, tamu dan ekonomi. Malah pengkaji turut membincangkan tentang pakaian Kaum Rungus, budaya meminum tuak dan adat sogit kaum Dusun di Sabah. Dalam novel *Ngayu* pula memperlihatkan budaya masyarakat di Sarawak seperti Kelabit, Iban, Kayan dan lain-lain. Antara nilai budaya yang diperkenalkan ialah aktiviti membina rumah panjang sebagai hantaran perkahwinan dan untuk menunjukkan kegagahan lelaki.

KAEDAH KAJIAN

Salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah pengumpulan bahan. Dalam proses pengumpulan bahan ini, pengkaji akan mengumpul segala bahan-bahan rujukan yang mempunyai kaitan dengan kajian. Rujukan ini telah dilakukan di beberapa buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Selain rujukan di beberapa perpustakaan, pengkaji juga turut melayari laman-laman sosial yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

Melalui proses ini, pengkaji dapat memperoleh maklumat mengenai kajian-kajian yang pernah dilakukan terutamanya yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih. Selain itu, pengkaji juga menyorot kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang memfokuskan terhadap kebudayaan sama ada budaya Melayu mahupun budaya selain Melayu serta berkaitan drama Melayu. Dalam proses ini, pengkaji tidak tertumpu kepada tesis-tesis sahaja namun pengkaji telah mempelbagaikan skop bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan. Antara bahan rujukan yang telah dikumpulkan melalui proses ini ialah melalui buku- buku, jurnal, rencana-rencana, laporan-laporan, latihan- latihan ilmiah, esei-esei yang berkaitan dunia sastera yang terdapat di dalam Dewan Sastera, Dewan Masyarakat dan sebagainya.

Kaedah seterusnya yang digunakan oleh pengkaji iaitu menganalisis bahan-bahan yang dikumpulkan. Dalam menganalisis bahan-bahan yang diperolehi, pengkaji akan menentukan perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian untuk dikaji secara lebih mendalam dan meluas skopnya iaitu kebudayaan. Drama-drama yang dipilih akan dianalisis berdasarkan pendekatan sosiologi. Pemilihan pendekatan ini dilakukan atas dasar kesesuaiannya dengan teks kajian dan

keperluan untuk memenuhi objektif kajian. Pengkaji menggunakan pendekatan sosiologi bagi melihat cerminan budaya masyarakat dari sudut politik, ekonomi dan sosial.

Teori Sosiologi

Teori Sosiologi digunakan untuk melihat hubungan sastera dan pengarang yang menyentuh soal kemanusiaan dan kemasyarakatan. Sosiologi merupakan suatu cabang disiplin ilmu yang mempelajari tentang kehidupan bersama dalam masyarakat. Dalam konteks ini, pendekatan sosiologi digunakan untuk mengetahui kehidupan masyarakat baik dari segi latar belakang kehidupan, permasalahan, pemikiran dan sebab musababnya yang wujud hasil daripada budaya. Menurut Sapardi Djoko Damono (1978:6), sosiologi adalah kajian tentang manusia dalam masyarakat yang merupakan cerminan langsung daripada struktur sosial yang mempunyai hubungan dengan kesejagatan.

Anwar Ridhwan (1986:11) pula menjelaskan pada dasarnya pendekatan sosiologi ini cuba melihat segala macam nilai masyarakat, institut-institut sosial dan *world view* sesuatu komuniti dan individu daripada hasil karya tertentu. Seterusnya, menurut Mohammad Mokhtar Hassan (1995:11), pendekatan sosiologi pada dasarnya cuba untuk melihat segala macam nilai-nilai masyarakat, *world-view* sesuatu masyarakat atau individu mahupun institusi sosial hasil daripada karya tertentu.

Justeru, apabila membicarakan tentang ilmu sosiologi dalam drama, perbincangannya akan menyingkap tentang budaya sesebuah masyarakat. Dalam setiap budaya tersebut memancarkan cerminan masyarakat sezamannya. Hal ini membuktikan bahawa adanya hubungan langsung antara karya dengan kehidupan dalam masyarakat.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Pada dasarnya kebudayaan merupakan cara hidup sesuatu komuniti manusia. Dalam tradisi penulisan drama, terdapat banyak pengaruh budaya yang diterapkan ke dalamnya. Pengaruh budaya tersebut bukan sahaja terdiri daripada budaya Melayu sahaja, bahkan terdapat juga pengarang yang memasukkan unsur budaya selain Melayu ke dalam skripnya. Oleh sebab itu, kajian dibuat adalah untuk mendedahkan kepelbagaian pengaruh budaya yang wujud dalam drama dan seterusnya mencerminkan masyarakat yang wujud pada zaman tersebut. Pentingnya kita mengetahui jenis-jenis budaya tersebut supaya kita dapat memahami cara hidup masyarakat yang wujud pada zaman pengarang.

Pengaruh Budaya yang Wujud dalam Drama Melayu

Menurut A. Aziz Deraman (2005:145) kebudayaan di Tanah Melayu telah mengalami perubahan dan asimilasi yang nyata sejak berlakunya pertembungan budaya antara tamadun India dengan China, diubahsuai dan diserap dengan tamadun Melayu zaman keagungan Kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15. Pengaruh yang wujud dalam kebudayaan Melayu adalah hasil daripada pergaulan dan percampurannya dengan bangsa-bangsa lain yang datang ke rantau ini.

Umumnya, kebudayaan yang meresap masuk ke dalam karya sastera Melayu datangnya dari budaya Hindu Buddha, Arab dan Barat. Antara pengaruh yang jelas kelihatan ialah budaya Hindu, Arab, Tionghua dan kebudayaan Barat. Perkara ini berpunca daripada kedatangan orang-orang dagang terutama masyarakat Hindu dan Cina ke negeri ini pada masa dahulu menjadikan perkembangan kebudayaan di Tanah Melayu semakin rancak dan segar. Dalam pergaulan tersebutlah telah berlaku proses penyesuaian di antara satu dengan yang lainnya.

Latar budaya yang masuk ke rantau ini datangnya dari pelbagai sumber. Antara yang paling kuat adalah datangnya dari India dan juga Cina yang telah menjalinkan hubungan awal dengan kerajaan Melaka pada abad ke-15. Sejak dari dahulu lagi, Tanah Melayu ini sudah menjadi pusat pertemuan dunia serta menjalinkan hubungan dengan negara luar pusat perdagangan iaitu negara Barat dan Timur. Kebudayaan Melayu telah berasimilasi dengan kebudayaan dunia kerana sifatnya yang terbuka dalam menerima pengaruh dan budaya asing selagi ia bersesuaian bersesuaian dengan masyarakat tempatan.

Pengaruh India

Sejarah kedatangan India ke Asia Tenggara berlaku sejak abad ketiga sebelum Masihi yang ditandai oleh terjadinya hubungan perdagangan antara India dengan Empayar Rom dan Asia Tenggara. Pedagang India mendapatkan sumber dagangan daripada Asia Tenggara seperti pelbagai jenis barangan termasuklah kain kapas, rempah ratus, kayu harum dan beberapa jenis barangan lain. Menurut Haron Daud, (2006:141):

Perdagangan antarabangsa antara India dengan Empayar Rom merupakan salah satu faktor utama pedagang India menjalinkan hubungan perdagangan dengan wilayah-wilayah di Asia Tenggara termasuklah Alam Melayu. Hubungan perdagangan ini telah membuka jalan bagi perkembangan hubungan kebudayaan antara India dengan Alam Melayu.

Hasil kedatangan pedagang India telah dibuktikan dengan kehadiran mereka di Kedah, Perak dan Seberang Perai. Antara penemuan yang penting ialah patung Mazhab Saivisme, bukti wujudnya hubungan perdagangan antara India dan Semenanjung Tanah Melayu. Malah pengaruh agama Hindu Buddha telah menguasai keseluruhan cara hidup masyarakat Melayu dari sudut kepercayaan, dan pandangan hidup sehinggalah ke tradisi upacara, perlakuan sosial dan amalan hidup seharian. Hubungan budaya India dengan Melayu turut diwujudkan melalui unsur mitos dan legenda. Unsur tersebut merupakan salah satu pengaruh budaya India yang meresap masuk ke dalam kesusasteraan Melayu. Misalnya, dalam *Sejarah Melayu*, terdapat unsur yang disebut berkait rapat dengan apa yang berlaku dalam masyarakat India. Contohnya, kisah pengembaraan Raja Suran di dasar laut dikaitkan dengan legenda puteri naga dalam tradisi mitos India (Harun Daud, 2006:138). Selain itu, kemunculan tiga orang putera Raja Suran di Bukit Siguntang dikaitkan dengan konsep trimuti dalam tradisi kepercayaan agama Hindu yang melambangkan tuhan mereka iaitu Dewa Brahma, Dewa Visynu dan Dewa Siva.

Menurut kepercayaan Hindu, terdapat dua belas upacara Brahma dalam kehidupan mereka. Asas kepercayaan dipandang suci dan mulia. Itulah sebabnya terdapat upacara perkahwinan yang dilakukan antaranya bersiram, bersanding, adat bersuap serta upacara yang dilakukan pada wanita yang sedang hamil iaitu melenggang perut, adat menyikat rambut si ibu dan mencukur jambul yang merupakan budaya Hindu telah disesuaikan dengan ciri-ciri ajaran Islam.

Pengaruh Cina

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1986:18), hampir keseluruhan masyarakat Cina yang menetap di Malaysia asalnya dari keturunan yang datangnya dari Wilayah Kwangtung, Fukien dan Kwangsi di selatan negeri Cina. Motif asal penghijrahan secara beramai-ramai pada abad ke-19 bertujuan untuk mencari nafkah hidup serta kekayaan secepat yang boleh dan kemudiannya kembali ke tempat asal mereka. Malah, tekanan hidup, malapetaka ekonomi, peperangan saudara dan kemiskinan hidup merupakan penolakan yang menyebabkan mereka berhijrah ke Alam Melayu.

Dalam *Sejarah Melayu*, ada diriwayatkan setelah Melaka ditawan Portugis, maka berpindahlah mereka ke Melaka untuk berdagang dan menetap di Melaka. Mereka ini bersama beberapa kumpulan kecil peniaga Cina dipanggil dengan nama Cina Peranakan atau The Straits Born Chinese (Hanafi Dollah, 1986:19). Budaya seperti bahasa Melayu-Baba, seni nyanyian Dondang Sayang, dan aspek budaya umum lainnya mereka terima dari cara hidup dan adat resam orang Melayu. Namun, terdapat juga beberapa budaya mereka diambil dan digunapakai oleh masyarakat Melayu.

Budaya dalam bidang perdagangan dan perniagaan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu kini bersumberkan dari kaum Cina yang berhijrah pada kurun ke-19. Hal tersebut dapat dilihat pada dekad 70-an dan 80-an terdapat segolongan orang Melayu yang berlumba-lumba mencari kekayaan dalam dunia perniagaan. Secara tidak langsung, kehadiran pendatang Cina dan kejayaan mereka dalam menguasai bidang perdagangan telah memberi nafas baharu kepada orang Melayu untuk bergiat dalam perniagaan.

Pengaruh Islam

Pada abad ke-7 sehingga abad ke-13, telah tercatat kegemilangan Islam di bahagian utara Afrika dan Eropah. Semasa kegemilangan itu, Islam telah mula berpindah ke Alam Melayu. Kedatangan mereka masuk bersama budaya Islam menggantikan kebudayaan tradisi Hindu Buddha dan animisme (1986:23). Hal ini dibuktikan dengan penemuan di Champa satu dinasti Melayu Islam yang memerintah pada abad ke-10. Selain itu, terdapat bukti penemuan batu nisan di Brunei pada abad yang sama dengan di Champa. Hasil beberapa penemuan tersebut telah membuktikan bahawa Islam datang ke rantau ini sebagai agama dan budaya sejak berkurun lamanya lagi.

Walaupun Islam telah berasimilasi secara beransur-ansur ke dalam diri bangsa Melayu dalam erti penyerapan yang berlaku adalah dari penerimaan golongan atasan istana hingga ke golongan lapisan bawahan masyarakat, namun Islam telah bersatu beridentifikasi dengan seluruh kehidupan Melayu (2012:55). Para pendakwah yang datangnya dari Semenanjung Tanah Arab, Parsi dan Selatan India ternyata faham tentang budaya di Asia Tenggara.

Menurut Arnold (1979) bahawa para mubaligh di alam Melayu bukan sahaja tahu geografi, masyarakat namun budaya Melayu. Oleh sebab itulah, agama Islam berkembang dengan pesat disebabkan mereka telah mempergunakan budaya tempatan dalam penyebaran agama. Kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu diterima dengan rela hati kerana Islam agama yang mudah selain membawa ajaran Islam dalam konsep Addin yang meliputi cara hidup Islam mencakupi bidang kesenian, ilmu yang benar dan kebudayaan. Antara kesenian dan kebudayaan Islam yang dibawa ialah makanan, surau, tulisan Arab, seni muzik dan lain-lain. Namun, yang paling rapat dengan konsep tersebut ialah masjid. Masjid bukan sekadar sebagai tempat melakukan solat namun sebagai tempat perbincangan ilmuwan serta perbincangan masalah yang berlaku dalam hidup.

Selain itu, kebudayaan Islam turut menggembelng agama Tauhid, tulisan jawi, akidah Islamiah, pendidikan moral nilai terhadap ilmu pengetahuan, bahasa serta kesusasteraan Melayu ke dalam kebudayaan tempatan. Sistem kehidupan yang dianggap baharu ini diterima sebagai alternatif kepada budaya Hindu-Buddha-animisme yang tersedia ada untuk menjadikan ia sebagai budaya yang sempurna dari segi akhlak dan akidah.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan bukan semua aspek budaya pra-Islam itu dimansuhkan. Hanya beberapa amalan khurafat, bida'ah dan syirik yang merupakan tinggalan tradisi Hindu Buddha dan animisme masih diamalkan sehingga kini. Antaranya upacara puja pantai, adat istiadat bersanding, kepercayaan kepada semangat masih kekal dilaksanakan biarpun ia bercanggah dengan budaya unggul Islam. Oleh itu, menurut (Wan Hashim Wan Teh, 1986:16), mereka yang datang berhijrah dari Tanah Arab, dan Parsi sudah lama kehilangan identiti asal. Kesan daripada proses asimilasi tersebut telah menyebabkan wargapendatang tidak dapat mengekalkan identiti asal mereka. Pembawa tradisi tersebut pada zaman Melaka dan beberapa abad sesudahnya telah diasimilasikan ke dalam masyarakat dan budaya Melayu dengan berkesan.

Pengaruh Barat

Selepas pengaruh Islam, pengaruh bangsa Barat seperti Portugis, Belanda, Inggeris, Perancis dan Amerika tiba yang sebahagian besarnya menetap di kepulauan Melayu. Kedatangan kuasa kolonial di tanah jajahan adalah pada awalnya hanya untuk mendapatkan bahan mentah. Namun, setelah melihat Tanah Melayu mempunyai banyak keistimewaan, mereka mula cuba untuk menjajah. Kedatangan mereka membawa teori '*the white man burden*' bermaksud masyarakat barat yang kononnya mempunyai tanggungjawab dalam mentamadunkan masyarakat Islam, Cina, India dan peribumi. Kesan daripada dasar 'tanggungjawab' tersebutlah, masyarakat di Tanah Melayu telah mengalami perubahan dalam budaya yang didukung.

Budaya pemerintahan di Tanah Melayu telah mengalami perubahan yang ketara hingga menyebabkan kehilangan kuasa politik dan pemerintahan daripada pemimpin orang-orang Islam sendiri kepada pemerintahan kuasa barat. Antara kerajaan Melayu yang mengalami perubahan adalah kerajaan Melayu Melaka. Melaka adalah lambang ketinggian tamadun Melayu yang mempunyai corak pemerintahan tradisi yang kaya dengan adat dan peraturan berkerajaan (Hashim, Zahir dan Zainal Abidin, 1992). Orang Melayu khususnya telah mula mengamalkan corak hidup yang bertentangan dengan budaya asal. Sehingga kini, budaya yang dibawa oleh golongan Barat ini masih diamalkan malah telah menjadi satu budaya baharu untuk masyarakat.

Terdapat segelintir masyarakat yang terus mengagumi kebudayaan mereka seperti hidup bebas, keseronokan yang dan hiburan semata-mata. Malah, wujud juga golongan yang mementingkan kebendaan dan mendapatkan keuntungan menerusi perniagaan dengan cara menipu dan menindas. Budaya bekerja seperti ini adalah budaya yang dilakukan oleh golongan kapitalis. Kajian ini

menggunakan pendekatan Sosiologi dalam mencari cerminan masyarakat yang wujud hasil budaya yang terdapat dalam naskah pilihan. Menurut Nur Sahid (2008:21), drama merupakan realiti sosial yang berurusan dengan struktur sosial, ekonomi dan politik yang menjadi urusan sosiologi. Dalam hubungan ini, pengkaji telah membahagikan pendekatan Sosiologi kepada tiga aspek iaitu sosial, politik dan ekonomi.

Sosial

Istilah sosial sering dikaitkan dengan hal-hal berhubung dengan perihal kemasyarakatan seperti pergaulan, aktiviti masa lapang (*action and interaction*) dan persahabatan (Bryan dan Rojek, 2001). Khairuddin Mohamad *et al.*, (2014:39) menyatakan bahawa kata 'sosial' digunakan untuk menunjukkan sifat dari makhluk sehinggalah munculnya ungkapan "manusia adalah makhluk sosial". Hal tersebut bermaksud bahawa manusia perlu hidup secara berkelompok. Setiap manusia harus menjalin hubungan dengan manusia lain. Jika tidak, mereka tidak akan hidup dengan sempurna.

Bahasa

Bahasa merupakan medium komunikasi untuk manusia memahami apa yang individu lain disampaikan selain untuk menyampaikan mesej. Menurut Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subkii Miskonn (2010:45), bahasa juga, mengalami perubahan. Hal tersebut berlaku kerana perlukan penyesuaian dalam organisasi sosial dan pola peranan sosial dalam sesuatu kelompok. Ahmad Mahmood Musanif (2008:94) turut menyatakan bahawa:

“Bahasa merupakan cerminan budaya sesuatu bangsa dan bahasa tidak dapat dipisahkan dari budayanya. Hal ini telah menjelaskan bahawa aspek bahasa dan sastera Melayu merupakan salah satu ciri penting yang dapat dikaitkan dengan jati diri sesuatu bangsa.”

Dalam konteks ini, bahasa yang digunakan dalam sesuatu kelompok masyarakat adalah dipengaruhi oleh budayanya. Dalam drama-drama yang dikaji, kesemua pengarang menggunakan bahasa cuma yang berbeza adalah gaya penggunaan bahasa tersebut sebagai budaya. Dalam drama *Selendang Umi* hasil nukilan dramawan terkenal Noordin Hassan, terdapat penggunaan bahasa sebagai budaya. Salah satu bahasa digunakan oleh pengarang adalah bahasa kiasan. Bahasa kiasan ialah kata, frasa atau ayat yang digunakan untuk membandingkan sesuatu. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), kiasan bermaksud kata yang mengandungi (mempunyai) erti. Menurut Asmad (1990:2), bahasa kiasan ialah perkataan atau

ungkapan yang digunakan dalam makna berlainan daripada makna sebenar atau makna biasa perkataan itu.

Masyarakat Melayu menjadi penggunaan bahasa kiasan sebagai budaya agar tidak menyinggung mana-mana pihak. Ia merupakan keistimewaan bagi masyarakat Melayu yang mengamalkan kerana bagi mereka percakapan yang bersopan santun, berlapik dan berkias melambangkan jati diri masyarakat Melayu. Bahasa kiasan telah dicipta oleh masyarakat penutur hasil pemerhatian terhadap yang berlaku dalam kelompok masyarakat. Sebagai bahasa, ia berperanan untuk menyatukan semua rakyat walaupun berbeza dari segi pertuturan, latar belakang, dan budaya. Contoh tersebut dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Tidak terlintas di hati ular durjana menghulur lidah. Bercabang, berbisa. Kalau sekadar hendak menyusur, lalulah. Tak siapa akan melarang atau mengganggu. Janganlah sampai ke atas ranjang. Pantang anak Melayu.

(Selendang Umi, hlm 67)

Bahasa yang diutarakan menerusi dialog dapat mencerminkan masyarakat pada ketika itu. Drama tersebut menjelaskan terdapat segelintir masyarakat yang kaya dan berdosa, masyarakat yang miskin namun tetap dengan ajaran agama, masyarakat yang prihatin kepada nasib orang lain. Berdasarkan petikan tersebut, apa yang ingin disampaikan oleh penulis adalah, sikap manusia yang rakus, busuk hati dan tamak dalam mendapatkan sesuatu yang diinginkan. Sikap manusia ini diterjemahkan dalam watak Jalil dan Kak Yam yang berusaha mendapatkan isteri Usman yang bernama Rupawan. Kehadiran dua watak tersebut sebagai perosak rumah tangga yang dibina sehingga sanggup melakukan jenayah terhadap Usman sehingga lumpuh separuh badan.

Ekonomi

Menurut Jumali Hj. Selamat (2001:195), aspek ekonomi dalam masyarakat sama ada di kampung atau di bandar sering merangsang jiwa pengarang yang mahu menonjolkan kehidupan masyarakat dan bangsanya. Manakala Jakob Sumardjo (1984:2) mengatakan bahawa ekonomi merupakan cara manusia mendapatkan rezeki sama ada melalui pertanian, perdagangan, menjadi pegawai atau sebagainya. Dalam hubungan ini, aspek ekonomi menjadi sebahagian daripada budaya apabila masyarakat menjadikannya sebagai penyambung kehidupan yang berbeza-beza caranya mengikut sesuatu kelompok masyarakat yang mengamalkannya. Kesemua aspek ini boleh dilihat menerusi kegiatan yang dijalankan oleh masyarakat menerusi watak-watak serta dialog yang ditonjolkan oleh pengarang.

Perdagangan

Aktiviti berdagang telah lama wujud sejak zaman sebelum Islam iaitu muncul pada zaman prasejarah. Perdagangan menjadi satu budaya yang wujud dalam budaya masyarakat Melayu apabila para pedagang Arab, India dan Cina telah sampai ke Kepulauan Melayu bersama agama Islam. Pengaruh ini dapat dilihat melalui hasil sastra yang ditulis oleh Ismail Kassan dalam skrip drama *Kilung Musung*. Di dalam karya ini, jelaslah telah wujud masyarakat yang mengamalkan ekonomi berdagang untuk mendapatkan keuntungan. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

DAENG AMBAK: Datuk Mahabijaya! Belanda dan Siak sudah berkuat mudik hingga ke Puchong dan Ampang. Peraih bijih yang berdagang dengan hamba terpencar pindah ke Rawang dan Kajang. Syed Ali dan Belanda keparat itu bukan lagi memungut cukai Datuk, tapi mereka merompak! Perniagaan hamba punah-ranah semuanya!

(Kilung Musung: 241)

Berdasarkan petikan tersebut timbul masyarakat yang suka menindas golongan yang lemah. Golongan ini diwakili Syed Ali dan orang Belanda yang mempunyai kuasa yang kuat untuk menjatuhkan orang Melayu di Selangor. Selain itu, wujudnya masyarakat yang merampas harta orang lain. Mereka memaksa masyarakat untuk memberikan sesuatu atau barang yang bukan hak miliknya secara paksaan. Seterusnya, berdasarkan petikan tersebut juga, tercermin masyarakat yang berniaga untuk mendapatkan keuntungan dalam menyara hidup. Kesemua gambaran masyarakat ini merupakan fenomena yang wujud dalam masyarakat pada zaman mencari kebebasan tanah air daripada terus dibelenggu penjajah.

Cerminan masyarakat yang mengamalkan budaya perdagangan sebagai sumber ekonomi telah wujud pada satu zaman yang dikenali sebagai zaman prasejarah. Zaman prasejarah mempunyai pengertian dan ciri-ciri masyarakat yang tersendiri sebelum wujudnya zaman sejarah dan tamadun awal manusia.

Zaman prasejarah yang ditandai oleh zaman neolitik telah mengamalkan ekonomi berdagang. Masyarakat Neolitik ini telah mengalami perubahan yang ketara jika dibandingkan dengan zaman masyarakat zaman Paleolitik. Kegiatan ekonomi zaman sebelum itu, mengamalkan ekonomi sara diri yang menjalankan aktiviti bercucuk tanam dan menternak binatang. Kemudian, kehidupan secara nomad telah berhenti dan mereka mula hidup secara menetap di kampung-kampung sekitar lembah sungai.

Tercetusnya revolusi pertanian telah menyebabkan terjadinya lebihan dalam hasil-hasil pertanian hingga munculnya aktiviti perdagangan yang berkonsepkan sistem barter. Perkembangan dalam sistem perdagangan telah menyebabkan

berlakunya hubungan dengan masyarakat luar dan menyebabkan berlakunya perkembangan dan pertukaran idea serta teknologi baharu. Perubahan yang berlaku tersebut telah menjadi asas budaya ekonomi dalam bidang perdagangan. Ekonomi perdagangan ini berterusan hingga ke zaman Kesultanan Melayu Melaka. Menurut Bahasa Othman (1989:14), gugusan Kepulauan Melayu telah menjadi tumpuan pedagang-pedagang dari Arab, India dan China sejak abad pertama lagi. Hal ini dikuatkan lagi dengan sumber-sumber bertulis Arab, India, China dan Yunani membuktikan lagi bahawa kegiatan perdagangan di rantau ini berkembang dengan pesat sebelum kebangkitan Kerajaan Melayu Melaka.

Sumber-sumber bertulis China, India, Arab dan Yunani membuktikan bahawa kegiatan perdagangan di rantau ini berkembang dengan pesat sebelum kebangkitan Kerajaan Melayu Melaka. Kerajaan Melaka muncul sebagai sebuah pusat perdagangan baru yang berkembang pesat menggantikan Srivijaya pada abad ke-15. Hal tersebut disebabkan kedudukan Melaka yang strategik hingga menjadikannya sebuah pangkalan luar yang penting bagi kapal-kapal pedagang (Ibid, 15).

Politik

Politik merupakan proses sosial yang mempunyai hubung kaitnya dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan cara mengatur hidup bermasyarakat serta mempunyai hubungan dengan lingkungan dan alam sekitar. Ia dapat dikaitkan dengan pemerintahan serta usaha untuk memperoleh kuasa dan pengaruh dalam organisasi manusia sama ada formal atau tidak formal. Aspek politik merupakan elemen struktur sosial dalam masyarakat. Ia menyentuh soal pengurusan dan susun atur dalam negara. Firdaus Hj. Abdullah (1985:1) menyatakan bahawa politik merupakan kegiatan yang berkait dengan proses membuat keputusan terhadap pembahagian sumber, ganjaran dan cara hidup bermasyarakat.

Dalam soal aspek politik dalam karya sastera, tentu akan melibatkan tentang kehidupan sosial kerana sastera merupakan cerita dan pengalaman hidup manusia. Menurut Abdullah Tahir (1996:202), politik bermaksud kehadiran idea-idea politik dan milieu (lingkungan) politik dalam karya. Dalam hubungan ini, aspek yang menjadi dasar dalam politik termasuk soal kepimpinan, peperangan, nasionalisme dan sebagainya.

Kepimpinan

Politik diperluaskan konsep dan maknanya dengan menyentuh soal pemimpin dan kepimpinan dalam sesebuah masyarakat. Menurut S. Husin Ali (1977:9) pemimpin adalah orang yang boleh memimpin orang lain atau kumpulannya

melalui ideologi dan pengaruhnya dalam mencapai matlamat dan arah tuju masyarakatnya. Menurut Compbell, Corball dan Nystrand, (1983:125), kepemimpinan adalah sebuah proses bagaimana individu atau pemimpin mendapat kerjasama daripada pengikutnya untuk mencapai sesuatu matlamat. Dalam teks drama *Kilung Musung* unsur kepemimpinan ini boleh dilihat melalui watak Panglima Hitam dan datuk Mahabijaya. Contohnya:

Panglima Hitam memberi isyarat kepada lima orang pendekarnya yang kemudiannya bingkas membentuk satu pasukan, bersama dengan busur panah dan senapang. Kemudian dia memberi satu lagi isyarat, kali ini kepada beberapa pemuda supaya berkumpul menjadi satu pasukan. Masing-masing bersiap sedia dengan lembing dan pedang di tangan dan sedang menanti arahan selanjutnya dari Datuk Mahabijaya. BMB: Sebuah sekoci hampir mendarat di Bagan Pasir. Sepuluh orang soldadu Belanda lengkap bersenapang dan pemburas. Serang mereka secara mengejut di rawa-rawa, jangan sampai terlepas ke batas desa. Pastikan semua senjata mereka kita peroleh. Ayuh! Bergerak sekarang!

(Kilung Musung: 243)

Kepimpinan yang berkesan ialah apabila pemimpin tersebut berjaya mempengaruhi pengikutnya mencapai matlamat politiknya. Berdasarkan contoh petikan tersebut, pengarang telah mewujudkan masyarakat mempunyai strategi yang mampan untuk mempertahankan kota daripada dimasuki penceroboh. Cerminan ini boleh dilihat menerusi watak Datuk Mahabijaya yang pandai mengatur strategi untuk melumpuhkan musuh. Selain itu, wujudnya masyarakat yang pandai bermain senjata tradisional iaitu lembing dan pedang.

Budaya kepemimpinan ini merupakan amalan yang wujud dalam semua tamadun sesebuah bangsa. Dalam tamadun Islam, Nabi Muhammad S.A.W merupakan pemimpin dunia yang diakui sepanjang sejarah peradaban manusia. Baginda merupakan pemimpin umat Islam yang sungguh luar biasa dari segi keperibadian dan luaran. Kepimpinan baginda boleh dilihat dalam aspek agama dan politik. Dalam aspek agama, kepimpinannya terserlah apabila menunjukkan sifat-sifat yang lembut dan bertoleransi namun tetap tegas dalam ajarannya. Sebagai aspek politik, kepimpinan baginda terserlah apabila berjaya mendamaikan pertelingkahan antara suku Aus dan Khazraj melalui perjanjian Aqabah.

Dalam *Sejarah Melayu* Sulalatus Salatin pula, aspek kepemimpinan juga boleh dilihat melalui tokoh Hang Nadim, Hang Tuah, Tun Perak dan ramai lagi. Salah satu contoh watak yang mempunyai daya kepemimpinan yang tinggi ialah Temenggung Seri Udani. Beliau dikatakan berjuang bersama-sama dengan

Bendahara untuk mendapatkan takhta Raja Siak yang diserang oleh kerajaan Pasai. Di dalam perjuangan tersebut, dapat dilihat kepemimpinan temenggung apabila duduk di baris hadapan.

Kepimpinan yang berkesan ialah apabila pemimpin tersebut berjaya mempengaruhi pengikutnya mencapai matlamat politiknya. Berdasarkan contoh petikan tersebut, pengarang telah mewujudkan masyarakat mempunyai strategi yang mampan untuk mempertahankan kota daripada dimasuki penceroboh. Cerminan ini boleh dilihat menerusi watak Datuk Mahabijaya yang pandai mengatur strategi untuk melumpuhkan musuh. Selain itu, wujudnya masyarakat yang pandai bermain senjata tradisional iaitu lembing dan pedang.

Budaya kepemimpinan ini merupakan amalan yang wujud dalam semua tamadun sesebuah bangsa. Dalam tamadun Islam, Nabi Muhammad S.A.W merupakan pemimpin dunia yang diakui sepanjang sejarah peradaban manusia. Baginda merupakan pemimpin umat Islam yang sungguh luar biasa dari segi keperibadian dan luaran. Kepimpinan baginda boleh dilihat dalam aspek agama dan politik. Dalam aspek agama, kepimpinannya terserlah apabila menunjukkan sifat-sifat yang lembut dan bertoleransi namun tetap tegas dalam ajarannya. Sebagai aspek politik, kepimpinan baginda terserlah apabila berjaya mendamaikan pertelingkahan antara suku Aus dan Khazraj melalui perjanjian Aqabah.

Dalam *Sejarah Melayu* Sulalatus Salatin pula, aspek kepemimpinan juga boleh dilihat melalui tokoh Hang Nadim, Hang Tuah, Tun Perak dan ramai lagi. Salah satu contoh watak yang mempunyai daya kepemimpinan yang tinggi ialah Temenggung Seri Udani. Beliau dikatakan berjuang bersama-sama dengan Bendahara untuk mendapatkan takhta Raja Siak yang diserang oleh kerajaan Pasai. Di dalam perjuangan tersebut, dapat dilihat kepemimpinan temenggung apabila duduk di baris hadapan.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan mengenai teks drama *Bisikan Malaya* di atas, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat kecenderungan para pengarang dalam menghasilkan karya sastera dengan meneliti dan menghayati nilai kemasyarakatan yang terpengaruh dengan budaya lain yang telah berasimilasi ke dalam budaya Melayu rantau ini. Malah masyarakat Melayu mudah menerima pengaruh tersebut kerana dasar keterbukaan yang diamalkan sejak dari zaman dahulu asalkan tidak mengganggu gugat dan bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh itu, budaya-budaya yang wujud dalam drama Melayu adalah datangnya dari kepelbagaian budaya yang hadirnya dari budaya luar dan hal ini secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (2005). *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2012). *Warisan Budaya dalam Konteks 1 Malaysia. Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A. Aziz Deraman. (2005). *Intelektualisme Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2005). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1984). *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Herman J. Waluyo. (2001). *Drama: Teori dan Pengajarannya*. Yogyakarta: DT. Hanindita Graha Widya.
- Jeniri Amir. (2005). *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Khairuddin Mohamad *et al.*, (2014). *Kebudayaan Melayu*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1983). *Esei dan Kritikan Drama*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md. Nor bin Hj. Ab. Ghani (Ketua Penyusun). (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Mokhtar Hassan. (1995). *Sosiologi Sastera: Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
- Monique Zaini-Lajoubert. (1992). *Dunia Bukan Melayu dalam Beberapa Novel Malaysia Mukhtahir di dalam Telaah Sastera Melayu: Himpunan Kertas Kerja Minggu Sastera Malaysia*.
- Nor Aini binti Hj. Ahmad. (1998). *Unsur-Unsur Tradisi Lisan dalam Drama-Drama Noordin Hassan*. Tesis Bachelor Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Nur Sahid. (2008). *Sosiologi Teater*. Yogyakarta: Prastista.
- Ramli Isin. (1994). *Novel-Novel Melayu Mukhtahir: Analisis Cerminan Nilai Budaya Bangsa. Teks Ceminan Nilai Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.